

# Sindiket edar pil ekstasi berbentuk bola Pokemon tumpas

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** - Polis Pulau Pinang membongkar trend pengedaran pil ekstasi jenis baharu di negeri ini yang berbentuk bola permainan animasi popular Pokemon ekoran penahanan lima ahli sindiket dadah sintetik dalam serbuan di Bandar Baru Air Itam dan Jelutong di sini pada 10 November lalu.

Kelima-lima suspek lelaki berketurunan Cina berusia 23 hingga 30 tahun itu diberkas pasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri dalam operasi khas bermula pukul 2.30 petang.



**PIL ekstasi berbentuk bola Pokemon yang dirampas polis pada 10 November lalu.**

Ketua JSJN negeri, Superintendan Maidu Abu Bakar berkata, pembongkaran sindiket edar dadah menggunakan taktik unik

itu dilakukan selepas pasukannya menahan seorang lelaki berusia 26 tahun di kawasan tempat meletak kereta di sebuah restoran makanan segera di Bandar Baru Air Itam, Jumaat lalu.

Menurut beliau, tangkapan dilakukan semasa lelaki berkenaan berada seorang diri di tempat duduk pemandu kenderaan Nissan Serena.

Katanya, pemeriksaan ke atas suspek itu menjumpai sejumlah dadah jenis syabu dan ketamin di dalam poket seluarnya.

"Pemeriksaan di dalam Serena berkenaan menemui empat pekete plastik berisi syabu seberat 107 gram, dua pekete ketamin 45 gram dan 170 biji pil

ekstasi berbentuk bola Pokemon dalam bungkusan lut sinar. Turut ditemui wang tunai berjumlah RM20,000," kata beliau pada sidang akhbar di IPK negeri di sini semalam.

Berikutan tangkapan pertama itu, Maidu memberitahu, polis berjaya membongkar satu trend baharu pengedaran pil ekstasi berbentuk bola Pokemon berwarna merah dan putih.

Kata beliau, susulan penangkapan lelaki berkenaan membawa polis ke sebuah rumah di Sungai Nibong dan di sana polis merampas lapan lagi pekete syabu seberat 1,725 gram, enam pekete berisi 1,700 biji pil eramin 5, dua bungkusan mengandungi 485 biji pil

ekstasi dan dua plastik lutsinar berisi 1,475 gram ketamin.

"Susulan tangkapan suspek pertama, polis menahan suspek kedua di sebuah pondok pengawal di sebuah kondominium di Jelutong. Turut berada dalam rumah itu ialah tiga lagi lelaki," kata beliau.

Katanya, pemeriksaan di rumah yang disewa RM2,000 sebulan itu menjumpai beberapa lagi bungkusan plastik berisi pil eramin 5 dan sejumlah pil ekstasi.

"Anggaran dadah yang dirampas dalam dua serbuan itu bernilai RM410,000 dan turut disita adalah sebuah motosikal jenis Kawasaki, sebuah kereta Perodua Alza dan sebuah Proton Iriz," kata beliau.